

Petronas syarikat negara - Anwar

Oleh **JUANI MUNIR ABU BAKAR**
juani.bakar@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan, Petronas bukan syarikat minyak dari Semenanjung sebaliknya milik negara seperti yang digariskan di bawah Akta Kemajuan Petroleum 1974.

Menurut Perdana Menteri, tiada kompromi berhubung perkara itu mengenai peranan Petronas dan Petroleum Sarawak Berhad (Petros) dalam industri minyak dan gas di wilayah terlibat.

Oleh itu katanya, adalah penting bagi Petronas untuk diiktiraf sebagai sebuah syarikat minyak nasional dengan semua pihak menghormati obligasi kontrak ditetapkan dengan tanpa kompromi.

“Tetapi hubungan saya dengan Premier Tan Sri Abang Johari Tun Openg sangat baik. Kami mahukan penyelesaian yang baik untuk isu ini.

“Akta Pembangunan Petronas (PDA) adalah akta nasional dan Petronas adalah sebuah syarikat nasional, bukan syarikat Semenanjung. Saya ingin jelaskan perkara ini dengan sangat jelas. Tiada kompromi dalam hal ini. Tidak kira apa pun tuntutanannya.

“Jika anda terima itu, maka negara atau negeri kini yang mahu memastikan bahawa mereka yang mahu menegaskan kedudukan mereka untuk melindungi kepentingan, terutamanya Sabah dan Sarawak, kerana kami juga terikat dengan Perjanjian Malaysia 1963 (MA1963),” katanya dalam sidang akhbar bersama pengarang media di sini semalam.

Katanya, dalam memutus-



ANWAR Ibrahim berucap dan bertemu bersama barisan ketua-ketua pengarang agensi media tempatan pada sidang akhbar di Dorsett Grand Subang di sini hari ini. - MINGGUAN/ AMIR KHALID

kan penubuhan Petros, sudah tentu ada suara yang mengatakan syarikat itu sebagai pemegang tunggal yang akan menentukan segalanya.

Tetapi jelasnya, itu bukan pandangan mereka dan juga bukan pandangan beliau.

“Jadi, adalah penting untuk Petronas diiktiraf sebagai badan nasional. Untuk menghormati semua obligasi kontrak tanpa kompromi manakala Petronas perlu menyokong Petros untuk memastikannya muncul pemain penting,” ujarnya.

Perdana Menteri berkata, Petros perlu bekerjasama dengan Petronas untuk aktiviti baharu gas dan minyak.

“Saya rasa ini adalah langkah wajar. Saya rasa ini secara asasnya adalah parameter yang luas. Mereka mengiktiraf peraturan nasional. Kami mengiktiraf peraturan negeri dan kita seharusnya bekerjasama.

“Sebarang suara dibangkit-

kan oleh dua pihak, kita perlu tangani dengan bijaksana. Tetapi akhirnya, kepentingan bersama berkaitan tanggungjawab perlu diberi perhatian bersama,” katanya.

Sementara itu Perdana Menteri berkata, peruntukan bantuan yang disediakan kerajaan khususnya berkaitan Program Pembasmian Kemiskinan diberi tanpa mengira perbezaan kaum.

Katanya, ia diagih berdasarkan keperluan semasa seperti kadar miskin tegar dalam sesebuah lokaliti.

“Yang penting bagi saya, pertama adalah tangani kemiskinan tanpa bezakan kaum. Kedua, kita perlu lepaskan daripada pemprofilan perkauman. Saya di Tambun semalam, ada pihak yang datang mohon duit, bina sekolah. Di Perlis pula, ada cakap kami tidak ada apa-apa sampai dakwa Kerajaan Pusat zalim, anaktirikan negeri kami. Saya rasa ini tidak betul,” katanya.